

06/08/1999

Mapen 11 tubuh tujuh jawatankuasa kerja (HL)

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) hari ini membentuk dua jawatankuasa baru, menjadikan semuanya tujuh jawatankuasa kerja, bagi merumus langkah menjana pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara serta memantapkan perkembangan sosial dan budaya masyarakat.

Jawatankuasa baru itu ialah Kewangan dan Perbankan Islam serta Sains dan Teknologi. Lima lagi jawatankuasa ialah yang dibentuk dalam Mapen 1 iaitu Perpaduan Negara; Penyusunan Semula Masyarakat; Pembasmian Kemiskinan; Ekonomi dan Daya Saing Negara; dan Pembangunan Sumber Manusia.

Mesyuarat pleno Mapen 11 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pagi ini turut melantik pengerusi dan timbalan pengerusi semua tujuh jawatankuasa itu. Masing-masing mengadakan mesyuarat pertama mereka petang ini.

Mesyuarat pleno itu juga melantik David Chua Kok Tee sebagai Timbalan Pengerusi Mapen II, manakala Datuk Dr Samsudin Hitam sebagai setiausaha.

Pengerusi Mapen II, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata mesyuarat pleno lebih dua jam itu berlangsung dalam suasana penuh persefahaman, dengan ahli sebulat suara menyetujui semua tindakan dan cadangan.

"Pembentukan jawatankuasa dan isu yang dibangkitkan adalah ilham ahli sendiri. Bagaimanapun pandangan dan memorandum daripada individu, pertubuhan atau badan berkanun turut diterima sebagai sumbangan tambahan," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat pleno itu.

Mapen II, yang dianggotai 155 wakil pelbagai pertubuhan dan kumpulan serta individu terpilih dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Majlis itu akan menjadi forum untuk mengetengahkan idea ke arah perubahan paradigma demi merancang masa depan negara.

Ahmad Sarji berkata, Jawatankuasa Sistem kewangan dan Perbankan Islam dipengerusikan oleh Datuk Amirsham A Aziz dengan Datuk Hassan Ibrahim menjadi timbalannya.

Jawatankuasa Sains dan Teknologi pula dipengerusikan oleh Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin dan Dr Tan Yee Kew sebagai timbalan.

Jawatankuasa Kerja Perpaduan Negara diketuai oleh Datuk Lee Lam Thye dengan Tan Sri Bujang Mohd Nor menjadi timbalannya. Datuk Dr Rais Yatim pula mempengerusikan Jawatankuasa Kerja Penyusunan Semula Masyarakat dan timbalannya ialah Datuk Alex Lee.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pembasmian Kemiskinan ialah Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen, manakala Dr Maximus Ongkili menjadi timbalannya.

Jawatankuasa Kerja Ekonomi dan Daya Saing diketuai oleh Datuk K Pathmanaban dan Tan Sri Dr Mohd Noordin Mohd Sopiee menjadi timbalannya.

Jawatankuasa Kerja Pembangunan Sumber Manusia pula diterajui Datuk Dr Ng Yen Yen, manakala timbalannya ialah Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim.

Dr Ismail Md Salleh dilantik sebagai Ketua Jurulapor, dengan dibantu oleh Dr Denison Jayasooria.

Ahmad Sarji berkata, kesungguhan ahli Mapen II terserlah apabila setiap isu diselesaikan secara musyawarah dengan mengutamakan permuafakatan serta kesanggupan memberi laluan kepada ahli yang lebih layak memegang jawatan tertentu.

"Semua ahli Mapen II berpengalaman dalam bidang masing-masing dan saya yakin satu laporan mantap dapat disediakan pada September tahun depan," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat peringkat jawatankuasa kerja yang dimulakan

petang ini, akan diadakan lagi antara Ogos hingga Disember depan, manakala pembentangan laporan awal dijadualkan pada 10 dan 11 Januari ketika mesyuarat kedua Mapen II diadakan.

Mesyuarat peringkat jawatankuasa kerja dijadualkan pada Januari hingga April depan, dengan laporan interim dijangka dibentangkan serentak dengan mesyuarat ketiga Mapen II pada 4 dan 5 Mei 2000.

Mesyuarat itu disambung semula pada Mei hingga Julai 2000, manakala pembentangan laporan akhir dijadualkan pada 7 dan 8 Ogos.

Ahmad Sarji berkata, laporan akhir akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada September 2000 untuk dibentangkan dalam Kabinet bagi tindakan lanjut.

(END)